



ACME FERRITE PRODUCTS SDN BHD

Plot 15, Jalan Industri 6,
Kawasan Perindustrian Jelapang 2,
Zon Perdagangan Bebas,
Jelapang 30020 Ipoh
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Encik Vasudevan Nair)

Tuan/Puan,

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK MENDIRIKAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH KILANG FERRITE DI ATAS LOT 187100, JALAN INDUSTRI 3, DI KAWASAN PERINDUSTRIAN JELAPANG II (ZON PERINDUSTRIAN BEBAS) JELAPANG, 30020 IPOH MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN ACME FERRITE PRODUCTS SDN. BHD.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

| Bil. | Perkara |
|-------|---|
| i. | Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA yang akan dimaklumkan kelak melalui sistem KUDRAT. |
| ii. | Kedudukan pit HDD pertama perlu diubah kerana berada terlalu dekat dengan persimpangan serta berkemungkinan mengganggu keselamatan pengguna lalulintas. |
| iii. | Pit bagi korekan HDD pada Jalan Kledang Raya 1 perlu berada sekurang-kurangnya 30 hingga 40 meter dari jarak persimpangan lampu isyarat. |
| iv. | Kedudukan mesin HDD/jentera berkaitan hendaklah berada pada sudut paling minima aliran lalulintas sediaada berdasarkan pelan TCP yang diluluskan. |
| v. | Kerja-kerja pengorekan melibatkan laluan di Jalan Padang sehingga ke Jalan Hadhari perlu dilakukan pada waktu malam sahaja bermula daripada jam 10:00 malam hingga ke jam 6:00 pagi bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MBI. |
| vi. | Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 180,088.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf. |
| vii. | Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 18,008.80 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap). |
| viii. | Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan. |





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/A/07/24/0012 (14)
Tarikh : 5 Ogos 2024

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK MENDIRIKAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH KILANG FERRITE DI ATAS LOT 187100, JALAN INDUSTRI 3, DI KAWASAN PERINDUSTRIAN JELAPANG II (ZON PERINDUSTRIAN BEBAS) JELAPANG, 30020 IPOH MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN ACME FERRITE PRODUCTS SDN. BHD.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

| Bil. | Perkara |
|------|--|
| x. | Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm). |
| xi. | Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja. |
| xii. | Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit. |

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan Majlis Bandaraya Ipoh dan Borang Bayaran Wang Cagaran bertarih 31 Julai 2024** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/A/07/24/0012 (14)
Tarikh : 5 Ogos 2024

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK MENDIRIKAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH KILANG FERRITE DI ATAS LOT 187100, JALAN INDUSTRI 3, DI KAWASAN PERINDUSTRIAN JELAPANG II (ZON PERINDUSTRIAN BEBAS) JELAPANG, 30020 IPOH MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN ACME FERRITE PRODUCTS SDN. BHD.

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan **(180 hari) sahaja** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Cik Aimee Atikah Binti Zakaria** di talian **011-31738909** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/01082024/KUDR/Aimee

s.k :



Pengarah Kejuruteraan Bandaraya
Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

